

## Pemilik PPR rekod bersih jelas sewa diketepi bayaran deposit



**Penghuni** berdaftar Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang mempunyai rekod bersih dalam menjelaskan sewa layak mengetepikan bayaran deposit untuk memiliki unit kediaman mereka.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, (**gambar**) berkata langkah pertama iaitu usaha pemutihan akan diambil sebelum keputusan untuk menjual unit PPR kepada individu yang layak diluluskan.

Sekiranya penyewa adalah penghuni sah PPR, katanya, bayaran sewa yang dijelaskan sepanjang tempoh sewaan akan

ditukarkan kepada wang deposit ketika mereka ditawarkan perjanjian jual beli unit kediaman berkenaan.

“Jika tidak culas dalam membayar sewa, jumlah wang itu akan dijadikan deposit pembelian unit PPR yang ketika ini berkadar RM35,000 seunit di Semenanjung, manakala Sabah dan Sarawak, RM42,000.

### **Skim sewa-milik**

“Ini adalah sebahagian daripada skim sewa-milik yang dilaksanakan kerajaan supaya setiap rakyat berupaya memiliki kediaman,” katanya menjawab soalannya tambahan Anuar Abd

Manap (BN-Sekijang) di Dewan Rakyat, semalam.

Anuar meminta perincian mengenai mekanisme kerajaan dalam mempertimbangkan rekod bayaran penghuni PPR sekiranya mereka berhasrat untuk memiliki kediaman berkenaan.

Menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Gelang Patah) mengenai usaha kerajaan menangani isu kekurangan rumah mampu milik, Noh berkata, pihaknya mengkaji dasar perumahan PPR bagi membolehkan penyewa sedia ada memiliki unit kediaman berkenaan.

“Ada dua kategori rumah PPR, iaitu kos pembinaan dan

hak milik tanahnya adalah kepunyaan Kerajaan Persekutuan, manakala satu lagi adalah kos pembinaan ditanggung Kerajaan Persekutuan tetapi hak milik tanah kerajaan negeri.

“Oleh itu, kita tidak mempunyai sebarang masalah untuk meluluskan proses penjualan kediaman bagi kategori pertama, iaitu milikan Kerajaan Persekutuan sepenuhnya.

“Bagi kategori kedua, kita akan berbincang dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu hak milik tanah supaya penyewa unit PPR berpeluang memiliki kediaman yang diimpikan,” katanya.